

25 JUL 2003

DR MAHATHIR MELAWAT MIRI

MIRI, 25 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba pagi ini di Miri untuk lawatan sehari.

Ketibaan Perdana Menteri dan isteri di Lapangan Terbang Miri disambut oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Seri Laila Taib, menteri-menteri dan ribuan rakyat.

Sejurus tiba Dr Mahathir melakukan upacara merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Miri yang berharga RM210 juta.

Beliau kemudian akan menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid At-Taqwa di sini.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan menerima Anugerah Darjah Satria Bintang Sarawak (SBS) daripada Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin di Dewan Suarah, Miri.

Anugerah yang membawa gelaran "Pehin" itu dikurniakan sempena 40 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia.

Perdana Menteri akan merasmikan bangunan tambahan Sekolah Menengah Bantuan Chung Hua di Jalan Temenggong Oyong Lawai Jau di sini, sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

MT RON